

**MESYUARAT PERTAMA (PEMBUKAAN RASMI)
BAGI PENGGAL PERSIDANGAN KEEMPAT
DEWAN NEGERI JOHOR YANG KELIMA BELAS
PADA HARI RABU, 21 MEI 2025, JAM 9.30 PAGI**

SUSUNAN PERKARA-PERKARA MESYUARAT

- 1. DOA.**
- 2. PEMASYHURAN DARIPADA YANG BERHORMAT SPEAKER DEWAN NEGERI JOHOR.**
- 3. SOALAN LISAN**

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 1 (A141)

Bolehkah kerajaan negeri mengemukakan senarai projek-projek ikonik pelancongan yang telah dan sedang dilaksanakan di Johor bagi menyokong agenda Tahun Melawat Johor 2026, serta status terkini setiap projek tersebut?

YB PUAN HAJAH HASRUNIZAH BINTI HASSAN (PULAI SEBATANG)
SOALAN 2 (A140)

Sempena Tahun Melawat Johor 2026. Berapakah sasaran pelancong yang dianggarkan akan melawat Johor 2026 mengikut pecahan dalam negara, luar negara dan berapakah sasaran kutipan hasil pelancongan Tahun Melawat Johor 2026 serta apakah produk yang akan dipromosikan?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 3 (A162)

Apakah persediaan kerajaan dalam sektor pelancongan untuk menuju Tahun Melawat Johor 2026 bagi memastikan kempen pelancongan benar-benar berkesan menarik pelancong datang ke Negeri Johor?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 4 (A179)

Nyatakan status mengkorporatkan Tourism Johor dan usaha lanjut supaya meningkatkan kompetensi sektor pelancongan negeri Johor berbanding dengan negeri lain menjelang Tahun Melawat Johor 2026.

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 5 (A3)

Pihak MAINJ berperanan membantu umat Islam yang tidak memiliki rumah melalui skim bantuan perumahan dan baik pulih rumah kepada golongan tersebut. Apakah punca kelewatan pelaksanaan inisiatif ini, dan adakah SOP yang digunakan perlu diteliti semula?

YB TUAN SAHRIHAN BIN JANI (GAMBIR)
SOALAN 6 (A59)

Berapa ramaikah belia di negeri Johor yang aktif terlibat dalam perniagaan koperasi dan apakah usaha kerajaan negeri bagi menjadikan gerakan koperasi ini menjadi pilihan utama belia negeri Johor.

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 7 (A86)

Bagaimakah kerajaan negeri memastikan pelaburan yang dibawa masuk memberikan manfaat langsung kepada rakyat negeri ini dari segi peluang pekerjaan dan pembangunan ekonomi setempat?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 8 (A177)

Nyatakan rancangan dan tindakan segera Kerajaan Negeri Johor bagi mengatasi masalah banjir kilat yang berlaku di sekitar Daerah Johor Bahru.

YB TUAN HAJI ABD. MUTALIP BIN ABD. RAHIM (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 9 (A119)

Apakah pendekatan kerajaan negeri untuk memastikan pembangunan baharu tidak menjelaskan kapasiti sistem saliran dan tidak menambah risiko banjir kepada kawasan sedia ada?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 10 (A40)

Johor mencatat jumlah pelaburan memberangsangkan, termasuk RM27.4 bilion pelaburan baharu yang diluluskan dalam suku pertama 2025. Bagaimana kerajaan merancang mengekalkan momentum ini dan memastikan pelaburan strategik yang dibawa masuk benar-benar menjana impak positif kepada ekonomi serta kesejahteraan rakyat Johor?

YB CIK NORLIZAH BINTI NOH (JOHOR LAMA)
SOALAN 11 (A146)

Kerajaan Negeri Johor mencatat pelaburan suku pertama 2025 berjumlah RM 27.4 bilion. Apakah strategi Kerajaan Negeri dalam memastikan setiap hasil

pelaburan tersebut diterima seimbang di kesemua daerah dan bukan hanya fokus kepada daerah di kawasan bandar sahaja?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 12 (A164)

Peningkatan pelaburan dan pendapatan dalam suku pertama tahun 2025 bagi Johor telah melonjak kepada RM 27.4 Bilion. Apakah perancangan jangka panjang kerajaan bagi memastikan trend ini terus meningkat agar matlamat Johor Maju 2030 dapat direalisasikan dalam sasaran?

YB PUAN FAUZIAH BINTI MISRI (PENAWAR)
SOALAN 13 (A85)

Apakah inisiatif baharu yang telah diperkenalkan oleh kerajaan negeri untuk menarik pelaburan asing dan tempatan ke negeri ini pada tahun 2025?

YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 14 (A199)

Apakah langkah-langkah strategik yang sedang dan akan diambil oleh Kerajaan Negeri Johor untuk memperkuuh dan memajukan industri hiliran berkaitan industri asas tani di negeri ini, khususnya dalam aspek pembangunan produk, pemasaran, dan penyertaan golongan belia serta teknologi moden?

YB TUAN HAJI HAHASRIN BIN HASHIM (PANTI)
SOALAN 15 (A102)

Dengan mengambil kira unjuran jumlah kenderaan yang menggunakan Lebuhraya Utara Selatan antara Ayer Hitam dan Senai pada waktu puncak khususnya, adakah projek pelebaran lebuhraya Utara Selatan dapat menyelesaikan masalah kesesakan apabila ianya siap kelak.

YB PUAN MARINA BINTI IBRAHIM (SKUDAI)
SOALAN 16 (A22)

Sejauh mana keberkesanan dan keberjayaan program WeCare dalam menimbulkan kesedaran wanita terhadap kanser reproduktif?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 17 (A172)

Memandangkan ramai mangsa yang terjejas dalam banjir berlaku pada 20 Mac lalu di Senai adalah dari kawasan rumah setinggan, adakah kerajaan akan mempertimbangkan cadangan memindahkan mereka dengan menawarkan Rumah Mampu Milik Johor (RMMJ) ataupun Rumah Transit Bangsa Johor (RTBJ)?

YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 18 (A163)

Apakah perancangan dan langkah kerajaan untuk memastikan graduan anak Johor mendapat peluang pekerjaan di setiap sektor dalam menuju Johor Maju 2030 tanpa bertumpu di kawasan JS-SEZ sahaja?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 19 (A135)

Apakah penilaian Kerajaan Negeri terhadap keupayaan sistem saliran sedia ada di kawasan sekitar Sungai Skudai yang pesat membangun, dan apakah langkah-langkah mitigasinya, termasuk kawalan pembangunan, pelan tebatan banjir serta pemantauan Laporan Penilaian Impak Alam Sekitar (EIA)?

YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 20 (A180)

Nyatakan bilangan setinggan dan rancangan pihak kerajaan Johor untuk menangani masalah setinggan di negeri Johor.

YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 21 (A1)

Berapakah jumlah jeti nelayan di DUN Kukup yang telah dibaiki atau dinaik taraf sejak tahun 2022, serta apakah perancangan Kerajaan Negeri untuk pembinaan jeti baharu dan kemudahan sokongan seperti lampu dan tempat simpanan hasil laut?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 22 (A43)

Apakah usaha kerajaan negeri dalam mempertingkatkan tahap profesionalisme dan tadbir urus dalam pengurusan koperasi di Malaysia?

YB PUAN RASHIDAH BINTI ISMAIL (PASIR RAJA)
SOALAN 23 (A44)

Apakah mekanisme pemantauan yang dilaksanakan bagi memastikan koperasi tidak disalahgunakan oleh pihak berkepentingan untuk tujuan peribadi?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 24 (A165)

Adakah kerajaan mempunyai rancangan untuk membangunkan satu garis panduan untuk menjalankan operasi rumah inap (homestay)?

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 25 (A178)**

Apakah tindakan kerajaan negeri untuk membanteras kegiatan sindiket yang mengeksplorasi kanak-kanak untuk tujuan perniagaan di tempat awam seperti pasar malam, persimpangan jalan dan restoran, termasuk langkah-langkah penguatkuasaan serta perlindungan kepada kanak-kanak yang terlibat?

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 26 (A5)**

Adakah pihak PAJ berhasrat membina Pelabuhan Syahbandar serta memindahkan operasi Terminal Feri Antarabangsa Kukup ke Tanjung Piai berikutan kawasan feri yang terlalu sesak dengan penempatan dan tidak lagi dapat menampung keperluan pengguna di jeti tersebut?

**YB TUAN TAN CHONG (BEKOK)
SOALAN 27 (A39)**

Sebanyak 120 permohonan dari 6 Kampung Masyarakat Orang Asli memerlukan bantuan Program Bantuan Rumah Orang Asli (PBROA) bagi DUN Bekok. Adakah Kerajaan Negeri dapat mempertimbangkan permohonan mereka bagi membina Rumah PBROA untuk menikmati kehidupan yang lebih selesa?

**YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 28 (A113)**

Jabatan Pengairan dan Saliran sentiasa membantu menangani masalah banjir di kawasan Sri Medan yang melibatkan kos penyelenggaraan yang tinggi, adakah kerajaan negeri mempunyai perancangan/kajian bagi menangani punca rumpai air yang cepat tumbuh subur di dalam parit sehingga mengganggu aliran air?

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 29 (A80)**

Bagi melihat kepentingan penambahbaikan institusi agama Islam, Sedili mendesak agar masjid/surau, sekolah agama kerajaan dan tanah perkuburan diwaqafkan bagi meningkatkan pengurusan pentadbiran dan urus selia jangka masa panjang.

**YB TUAN CHEW CHONG SIN (MENGKIBOL)
SOALAN 30 (A50)**

Sekolah Menengah Persendirian Cina merupakan teras kepada pendidikan masyarakat Cina. Berapa peruntukan kerajaan negeri kepada Sekolah Menengah Persendirian Cina pada tahun 2022, 2023 dan 2024 ?

YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 31 (A174)

Apakah inisiatif yang akan diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan literasi digital dalam kalangan remaja bagi menghindari masalah sosial seperti kes penyalahgunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) yang menyunting gambar di sebuah sekolah menengah di Kulai?

YB PUAN GAN PECK CHENG (PENGGARAM)
SOALAN 32 (A167)

Adakah JPS Negeri telah menghantar permohonan kepada Kerajaan Persekutuan bagi rancangan menaiktaraf parit tanah di Parit Ahmad kepada parit konkrit dan berapakah jumlah yang telah dipohon?

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 33 (A134)

Nyatakan pelan untuk meningkatkan liputan internet berkelajuan tinggi dan akses digital di DUN Perling, termasuk jumlah peruntukan 2025 untuk DUN Perling, bilangan penduduk yang dijangka mendapat manfaat, bilangan titik Wi-Fi awam atau CCTV Johor Safe City, dan kawasan sasaran.

YB DATUK HAJI MOHD. FUAD BIN TUKIRIN (BUKIT NANING)
SOALAN 34 (A95)

Difahamkan cadangan Projek Menaiktaraf MTB luar bandar telahpun diajukan kepada kerajaan negeri melalui BKP oleh QUL Holdings namun belum dilaksanakan. Apakah statusnya dan apakah rancangan kerajaan bagi projek tebatan banjir dalam usaha menangani banjir kilat khususnya di Bukit Naning.

YB TUAN IR. TS. HAJI NAZRI BIN ABDUL RAHMAN (SIMPANG JERAM)
SOALAN 35 (A17)

Muar daerah pelancongan terbersih Asian dan merupakan pintu masuk pelancong dari utara semenanjung Malaysia ke negeri Johor. Apakah perancangan kerajaan negeri untuk memperkasa daerah ini dalam persediaannya menyambut Tahun Melawat Johor 2026.

YB DATO' ZULKURNAIN BIN HAJI KAMISAN (SRI MEDAN)
SOALAN 36 (A116)

Adakah Kerajaan Negeri Johor mempunyai perancangan untuk meneruskan usaha menjadikan daerah Batu Pahat sebagai Daerah Berbudaya bagi menambah nilai tarikan pelancong ke daerah Batu Pahat?

YB TUAN NG YAK HOWE (BENTAYAN)
SOALAN 37 (A27)

MPM telah melaksanakan kempen tiada beg plastik percuma dan caj sebanyak RM0.20 kepada setiap helaian beg plastik dibekalkan mulai tahun 2025, berapakah jumlah kutipan caj pencemaran plastik dikutipkan setakat ini mengikut bulan?

YB DATUK HAJI PANDAK BIN AHMAD (KOTA ISKANDAR)
SOALAN 38 (A157)

Bagaimana kerajaan memastikan projek JS-SEZ tidak memberi impak kualiti air sungai, pemeliharaan bakau serta infrastruktur hijau akibat pelepasan sisa industri atau kesan pembangunan infrastruktur bersekala besar. Adakah resolusi Green Legasy Johor Summit 2024 akan dijadikan rujukan.

YB TUAN LIEW CHIN TONG (PERLING)
SOALAN 39 (A133)

Nyatakan secara terperinci jumlah peruntukan yang telah disalurkan pada tahun 2025 kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di kawasan Johor Bahru bagi tujuan penyelenggaraan parit monsun, pembinaan kolam tadahan, serta kerja-kerja menaik taraf sistem perparitan sedia ada.

4. **SAMBUNGAN PERBAHASAN ATAS RUNDINGAN MENJUNJUNG KASIH
TITAH DULI YANG AMAT MULIA TUNKU MAHKOTA ISMAIL, PEMANGKU
SULTAN JOHOR.**

----- (PERBAHASAN) -----

Persidangan ditangguhkan sehingga hari Khamis, 22 Mei 2025, jam 9.30 pagi.